## Inflasi di SG dijangka kekal rendah tahun ini

INFLASI di Singapura dijangka kekal pada paras yang rendah tahun ini, trend yang dikatakan ketua ahli ekonomi DBS Taimur Baig sebagai 'konsisten dengan penyesuaian dasar kewangan dan fiskal yang berterusan' bagi tahun ini dan tahun selanjutnya.

Bank itu, kelmarin menerbitkan hasil tinjauan terkini bagi Indeks Singapura bagi Jangkaan Inflasi (SIn-DEx), yang dikeluarkan bersama dengan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

SInDEx dikumpulkan menerusi tinjauan dalam talian yang merangkumi 500 individu yang dipilih secara rambang untuk mewakili isi keluarga contoh di Singapura.

Tinjauan bagi Jun lalu menunjukkan jangkaan inflasi keseluruhan dalam kalangan warga Singapura bagi tahun ini, turun kepada tiga peratus, berbanding 3.1 peratus pada Mac dan lebih rendah berbanding purata Suku Kedua (Q2) SInDEx iaitu 3.3 peratus sejak tinjauan dimulakan pada 2012.

Perkembangan ini selepas Penguasa Kewangan Singapura (MAS) pada Mac lalu, meramalkan kededua inflasi teras dan inflasi keseluruhan tahun ini antara -1 dengan 0 peratus.

Menurut MAS, pada April lalu, dasar fiskal akan berperanan utama dalam menangani krisis ini.

Sejak beberapa bulan lalu, pemerintah di negara-negara lain telah mengumumkan dasar kewangan dan fiskal yang bertujuan menyokong ekonomi masing-masing yang terjejas akibat pandemik.

Namun inflasi lebih tinggi kian

mengehadkan ruang bagi sebahagian pemerintah berbuat demikian.

Ini yang berlaku di Turkey, di mana inflasi teras dan kos tenaga sedang meningkat, meskipun selepas dasar fiskal beberapa bulan dilaksana bagi menurunkan pinjaman yang disesuaikan inflasi ke paras di bawah sifar.

Bank Pusat China juga sedang memperlahankan usahanya mengurangkan kadar kewangan, dan membiarkan peningkatan stabil kadar wang pasaran sejak awal Mei.

Di tempat lain, penggubal dasar di Rizab Federal Amerika Syarikat berkata mereka sedang menimbangkan langkah mengekalkan kadar faedah dekat sifar bagi tahun ini dan tahun selanjutnya.

Bank of England, yang memotong kadar faedah yang menjadi ukur tara kepada serendah 0.1 peratus berkata pada Mei lalu bahawa ia sedang menyemak semula dasarnya termasuk berhubungan kadar faedah negatif.

Bagi warga Singapura, jangkaan bagi inflasi keseluruhan kekal tidak berubah, iaitu 2.9 peratus pada Jun, dibandingkan dengan Mac, kata DBS dan SMU dalam kenyataan bersama.

Dalam kenyataan itu, SMU dan DBS juga berkata tinjauan SInDEx bagi Jun memuatkan tinjauan mendalam mengenai potensi kesan pandemik Covid-19 terhadap jangkaan inflasi terhadap komponen berbeza inflasi indeks harga pengguna (CPI).

Secara keseluruhan, jangkaan inflasi yang sederhana dilihat bagi kos makanan dan jagaan kesihatan, disebabkan gangguan yang dijangka akibat Covid-19. Komponen CPI yang lain tidak terjejas.